

PANTAS CONGAK
RABU | 31 DISEMBER 2014 | 9:00 PAGI
CHILDREN INFOTHEQUE, PUSTAKA NEGERI SARAWAK, KUCHING

Syarat-syarat penyertaan :

1. Pertandingan ini diadakan pada hari Rabu, 31 Disember 2014 bertempat di Children Infotheque, Pustaka Negeri Sarawak pada 9:00 pagi. Semua peserta dikehendaki mendaftar pada 8:30 pagi.
2. Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak berumur di antara 7 hingga 12 tahun sahaja.
3. Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut :
 - △ **Kategori A | Bagi kanak-kanak berumur 7 hingga 9 tahun.**
 - △ **Kategori B | Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun.**
4. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
5. Format pertandingan adalah seperti berikut:

△ **Pusingan Pertama**

Di peringkat ini, peserta akan diberi set kertas soalan dan dikehendaki menjawab soalan tersebut dalam jangka masa yang diberikan iaitu 30 soalan dalam masa 3 minit. 15 peserta yang mempunyai markah tertinggi akan layak masuk ke pusingan kedua.

△ **Pusingan Kedua**

Di peringkat ini, peserta akan menjawab dua soalan dalam jangka masa yang diberikan. Konsep pertandingan adalah kalah mati. 5 peserta terbaik layak ke pertandingan akhir.

△ **Pusingan Akhir**

Di peringkat ini, peserta akan menjawab dua soalan dalam jangka masa yang diberikan. Konsep pertandingan adalah kalah mati. Peserta terbaik dinobatkan sebagai pemenang.

6. Peserta tidak dibenarkan menggunakan atau membawa alat bantuan mengira termasuk kalkulator, kertas, pen, pensil, telefon bimbit dan lain-lain.
7. Peserta tidak dibenarkan berbincang sesama peserta yang lain atau sesiapa sahaja dan jika didapati berbuat demikian, peserta akan disingkirkan dari pertandingan.
8. Penonton tidak dibenarkan untuk membantu peserta semasa pertandingan dalam apa cara sekalipun dan jika didapati berbuat demikian, soalan itu akan ditarik balik dan soalan baru akan diberikan.
9. Penonton tidak dibenarkan bertepuk tangan atau bersorak sehingga jawapan yang diisytiharkan **BETUL** atau **SALAH** oleh hakim.

10. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan adalah 20 saat sebaik sahaja Pembaca Soalan (Pronouncer) membacakan soalan.
11. Peserta hendaklah menyebut jawapan dengan jelas untuk tujuan pengadilan. Jika peserta gagal menyebut jawapan dengan jelas, markah tidak akan diberikan.
12. Peserta boleh minta Pronouncer untuk membaca semula soalan, namun masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan tidak akan dihentikan.
13. Jika peserta hendak menjawab semula soalan, tiada tambahan masa akan diberikan dan peserta dikehendaki menjawab soalan dalam jangka masa 20 saat yang telah diperuntukkan.
14. Jika peserta gagal menjawab dalam masa yang diperuntukkan, tiada markah akan diberikan.
15. Peserta dikehendaki menghadap hakim semasa menjawab soalan.
16. Jika peserta tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pertandingan akan diteruskan dengan jumlah peserta yang ada. Sebarang rayuan untuk menyertai pertandingan selepas itu tidak akan dilayan.
17. Pihak penganjur bersedia memberi bantuan kepada peserta golongan istimewa. Makluman hendaklah disampaikan lebih awal kepada pihak penganjur untuk tindakan selanjutnya. Hakim berhak meminda syarat-syarat pertandingan mengikut keperluan golongan istimewa.
18. Keputusan hakim adalah muktamad.
19. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Lilian Baun Pulo, Pustaka Negeri Sarawak, Miri di talian 085 – 422 525 / 019-8546966 atau emel : lilianbp@sarawak.gov.my



Pantas Congak

Rabu | 31 Disember 2014 | 9:00 pagi
Children Infotheque, Pustaka Negeri Sarawak

Aturcara Program:

- 8:30 pagi** : Pendaftaran
- 9:00 pagi** : Taklimat Pertandingan
: Pertandingan Bermula
: Penyampaian Hadiah & Cenderamata
: Tamat

NO.	NAMA	KATEGORI

Tandatangan

Nama : _____

No. Tel. & Faks : _____

Tarikh : _____

Penyertaan:

1. Program ini terbuka kepada kanak-kanak berumur **7 - 12 tahun** sahaja.
2. Borang hendaklah diserahkan selewat-lewatnya pada hari **Isnin, 29 Disember 2014** melalui faks **sebelum** pukul **4:00 petang** kepada Pn. Lilian Baun Pulo, Pustaka Negeri Sarawak, Miri di talian 085 – 414444 (F).
3. Peserta dikehendaki mendaftar pada jam **8:30 pagi** di Children Infotheque, Pustaka Negeri Sarawak.
4. Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Pn. Lilian Baun Pulo, Pustaka Negeri Sarawak, Miri di talian 085 – 422 525 / 019-8546966.
5. Pengangkutan adalah tanggungan peserta sendiri